
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HKN 202 – Kajian Teks Melayu Klasik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada setiap bahagian.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Bincangkan dengan kritis kedudukan *Sulalatus Salatin* sebagai dokumen sosial masyarakat Melayu tradisional. Sejauhmanakah teks ini dapat membantu anda membentuk sahsiah diri?
2. "Ini *Hikayat Hang Tuah* yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya."
(*Hikayat Hang Tuah*, hlm: 1)

Sejauhmanakah kandungan *Hikayat Hang Tuah* menepati ungkapan di atas dan bincangkan kepentingannya dalam pembentukan jati diri bangsa Melayu?

3. Pertarungan Seri Rama dengan Rawana dalam *Hikayat Seri Rama* merupakan pertarungan antara kebaikan melawan kejahatan. Bincangkan pernyataan ini dalam konteks kedudukan Seri Rama sebagai wira epik.

BAHAGIAN B

4. Dalam masyarakat Melayu tradisional, raja mempunyai kuasa yang mutlak. Bincangkan pernyataan ini berasaskan *Undang-Undang Melaka*.
5. Motif penyamaran merupakan suatu konvensi penting dalam cerita-cerita panji Melayu. Dengan merujuk kepada *Hikayat Panji Semirang*, bincangkan bagaimanakah motif tersebut dapat melahirkan kesan keindahan dan pemikiran kepada khalayak?
6. Maka bertitah pula baginda serta memandang kepada Raja Muda, demikian titahnya, "Anak kita Raja Muda pun hendaklah kiranya baik bicara berusaha segala orang besar-besar dan anak raja-raja dan memerintahkan negeri dan membela sekalian rakyat bala tentera dan segala saudara-saudara dan hamba sahaya sekalian dan hendaklah muafakat sama-sama kepada barang bicara dengan sekalian orang besar-besar hulubalang dan pada anak raja-raja dan yang memegang agama kita dan imam pegawai dan saudara anak buah sekaliannya."
(*Misa Melayu*, hlm. 23)

Petikan wasiat di atas menyarankan beberapa ciri utama adab keperibadian seorang sultan yang adil. Bincangkan kesan wasiat tersebut sebagai sebahagian daripada misi pengarang mengenangkan ketokohan Sultan Iskandar Syah di Perak.

- ooo 0 ooo -

131